



21 JUN, 2024

Tangki rahsia bawah teksi!

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

SELEWENG DIESEL: KENDERAAN DITAHAN KETIKA MAHU BALIK

Tangki **rahsia** bawah teksi!

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Sindiket penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi di negeri ini sanggup menggadaikan nyawa berdepan risiko kebakaran atau letupan kenderaan apabila mengubahsui bahagian bawah tempat duduk kereta bagi menyeludup bahan api itu.

Terbaru sebuah teksi di daftarkan di Thailand dikesan memiliki tangki tambahan 'rahsia' bagi menyeludup bahan api berkenaan ke negara jiran.

Taktik berkenaan terbongkar apabila Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Negeri Perlis menahan seorang lelaki warga Thailand berusia 53 tahun yang memandu teksi Mercedes Benz pada 5 Jun lalu. Pengarah Kastam Negeri



ISMAIL menunjukkan tangki minyak yang diubah suai dalam sebuah teksi berdaftar di Thailand yang digunakan untuk menyeludup petrol dan diesel dari negara ini di Padang Besar.

Perlis, Ismail Hashim berkata, kejadian berlaku apabila kereta berkenaan menuju ke Thailand sebelum ditahan di Laluan Eksport, Kompleks Imigresen, Kas-

tam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQs) Padang Besar.

"Apabila but kereta diperiksa, kami menemui satu tangki tambahan yang

diubahsui di bahagian bawah tempat duduk penumpang belakang. Ia dijadikan sebagai tangki tambahan untuk mengangkut bahan api dari negara ini.



DIESEL yang dirampas daripada Operasi Khas Bersepadu Diesel Bersubsidi yang dilakukan di Padang Besar.

"Kami menemui dan rampas 80 liter petrol bersubsidi dengan nilai sekitar RM164 yang disembunyikan dalam tangki tambahan ubahsui itu.

"Teksi itu kemudian disita," katanya di Stor Penguatkuasaan JKDM Pa-

dang Besar di sini, semalam.

Katanya, kes berkenaan adalah satu daripada 12 kes cubaan menyeludup petrol dan diesel bersubsidi berjaya dipatahkan pihaknya sepanjang tempoh antara 27 Mei hingga 10 Jun lalu.



21 JUN, 2024

Tangki rahsia bawah teksi!

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

SELEWENG DIESEL: KENDERAAN DITAHAN KETIKA MAHU BALIK

Padang Besar Sindiket penyeludupan diesel dan petrol bersubsidi di negeri ini sanggup menggadaikan nyawa berdepan risiko kebakaran atau letupan kenderaan apabila mengubahsuai bahagian bawah tempat duduk kereta bagi menyeludup bahan api itu. Terbaru sebuah teksi didaftarkan di Thailand dikesan memiliki tangki tambahan ‘r a h s i a’ bagi menyeludup bahan api berkenaan ke negara jiran.